

Mahathir sangkal dakwaan Nik Aziz sultan dipengaruhi

UM 6 JUL 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 5 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, keengganan Sultan Kelantan memperkenankan pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri itu dibuat atas budi bicara baginda dan bukannya kerana memihak kepada mana-mana parti politik.

Perdana Menteri menyangkal anggapan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa tindak-tanduk sultan itu dipengaruhi oleh sebuah parti politik.

Dr. Mahathir menarik perhatian semasa pindaan Perlemba-

gaan mengurangkan kuasa sultan pada 1993, Sultan Kedah dan Sultan Johor yang memerintah negeri pimpinan kerajaan Barisan Nasional (BN) pun tidak menandatangani.

● Pas pusat tidak campur tangan — Muka 20

“Itu mungkin dia (Sultan Kelantan) ada sebab-sebab lain, bukannya memihak kepada parti politik tetapi berasa niat hendak buat undang-undang itu bukan seperti yang kita buat dulu.

“Kita buat dulu untuk menghindar perlakuan tidak baik yang bercanggah dengan un-

dang-undang oleh raja-raja tetapi yang ini nampak fasal nak marah, fasal sesuatu perkara tertentu,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan dan berdialog dengan para saintis yang menghadiri Konvensyen Sains 2001 di Hotel Palace of The Golden Horses Seri Kemangan di sini.

Dr. Mahathir mengulas laporan muka depan *Utusan* hari ini yang memetik kenyataan Nik Abdul Aziz yang berkata bahawa: “Sultan Kelantan hanya akan mengundang bahaya jika benar baginda enggan memper-

kenankan pindaan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, 25 Jun lalu.”

Menurut Mursyidul Am Pas itu, sekiranya pindaan tersebut tidak berlaku, rakyat Kelantan akan menganggap tindak-tanduk baginda disebabkan tekanan daripada sebuah parti politik.

Semasa kerajaan BN mencadangkan pindaan ke atas Perlembagaan bagi mengurangkan imuniti raja-raja Melayu, kerajaan Kelantan pimpinan Pas tidak menyokong tindakan itu.